

# Ucapan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Pengerusi Kumpulan UMW Majlis Pelancaran Inisiatif Pucuk Hijau UMW

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada petang ini kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam suatu acara yang diberi nama "MAJLIS PELANCARAN INISIATIF PUCUK HIJAU UMW".

Bagi pihak Kumpulan UMW, saya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi) yang telah sudi meluangkan masa untuk bersama kita pada hari ini disebalik kesibukan jadual beliau. Terima kasih juga atas kesudian YB Menteri untuk melancarkan Inisiatif Pucuk Hijau UMW.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dari pihak Kumpulan UMW kepada sebegitu banyak pihak yang memberi sokongan termasuklah daripada:

- a) Pejabat Menteri Besar Kelantan
- b) Kerajaan Negeri Kelantan
- c) Kepimpinan dari Parlimen dan DUN Tumpat
- d) Majlis Daerah Tumpat
- e) Jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan dan negeri
- f) NGO-NGO, wakil-wakil media
- g) Penaja dan rakan-rakan Inisiatif Pucuk Hijau Kumpulan UMW

Sesungguhnya, sokongan yang diberikan oleh semua sama ada dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Jabatan-Jabatan Kerajaan, badan-badan korporat dan juga media jelas menjadi tanda komitmen semua pihak terhadap agenda kelestarian alam yang murni ini. Jika dahulunya, *green agenda* ini hanyalah sekadar suatu konsep sahaja, pada hari ini, kita menyaksikan suatu bentuk penjelmaan secara zahir oleh Kumpulan UMW terhadap agenda ini, dengan sokongan kuat dari semua.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## **Keutamaan Agenda Kelestarian Alam**

Dunia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran, dan sebagai antara pemain korporat utama negara, Kumpulan UMW tidak terkecuali dari mendepani cabaran yang kian mendatang. Antara cabaran besar yang dihadapi oleh pemain industri dan juga masyarakat dunia secara lebih umumnya ialah perubahan iklim global yang kian hari kian meruncing, dengan pelbagai insiden seperti tanah runtuh, banjir besar dan kemarau yang semakin ekstrim dan kerap sejak kebelakangan ini. Jelas, agenda kelestarian alam tidak lagi dapat dipandang ringan, kerana impaknya yang meluas terhadap masyarakat, alam persekitaran, malahan juga kelestarian perniagaan.

Di sebalik ketidak-tentuan ekonomi dan pandemik pada skala global, pada hari ini Kumpulan UMW melalui Inisiatif Pucuk Hijau UMW, menyatakan iltizam dan komitmennya terhadap agenda ini. Hal ini kerana kita cukup sedar bahawa isu kelestarian alam sekitar bukanlah suatu perkara yang akan merencatkan pertumbuhan ekonomi, sebaliknya ia merupakan sebuah pelaburan jangkamasa panjang yang akan memberi pulangan berganda, ataupun sepertimana yang pernah diutarakan oleh John Elkington pada tahun 1994, mampu memberikan "*Triple Bottom Line*" ataupun pulangan tiga kali ganda, iaitu dari sudut "*People, Planet and Profit.*"



Hadirin sekalian,

## **Kelestarian sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi**

Selain kepentingan agenda kelestarian terhadap kesinambungan kehidupan masyarakat secara am, agenda kelestarian juga merupakan suatu peluang yang cukup besar untuk entiti korporat, sebagai contohnya, melalui penggunaan teknologi baharu yang dapat menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar, dan juga kaedah penjanaan tenaga yang lebih mampan seperti penemuan bateri sel bahan bakar hidrogen untuk kegunaan kenderaan bermotor. Bukan sahaja peluang-peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan, malahan pelaburan hijau juga mampu memangkin sektor-sektor ekonomi yang mempunyai kesan pengganda (*multiplier effect*) yang meluas.

Malahan, pelaburan sebegini juga merupakan suatu kaedah pengurusan risiko bagi para pemain industri, kerana ianya akan dapat mengelakkan pelbagai kos pasca-bencana yang jauh lebih besar, yang tentunya nanti akan menjejaskan juga penciptaan nilai jangka panjang oleh kumpulan-kumpulan korporat seperti UMW.

Di peringkat kebangsaan sendiri, kita amat bangga melihat usaha-usaha oleh pihak Kerajaan yang sememangnya cukup terkehadapan, dalam meletakkan batu asas untuk membina sebuah ekonomi berdaya tahan yang bersifat rendah-karbon dengan penggunaan sumber yang cekap dan lestari, di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), seperti mana yang telah diisytihar oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September tahun lalu.

## **Penglibatan Kumpulan UMW dalam Kelestarian**

Sejajar perkembangan global dan selari dengan hasrat Kerajaan, Kumpulan UMW juga memperjelaskan hasratnya untuk menjadi antara pemacu utama agenda kelestarian ini melalui beberapa inisiatif. Komitmen kami ini melangkaui sekadar memenuhi keperluan peraturan dan piawaian terpakai semata-mata.

Malahan kini, Kumpulan UMW telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan penggunaan tenaga hijau boleh diperbaharui di kilang-kilang pemasangan automotif kami. Sebagai contohnya, melalui penggunaan panel solar, pelepasan Gas Rumah Kaca untuk tahun 2020 telah berjaya diturunkan sebanyak 28.6%, berbanding tahun 2019. Kumpulan UMW juga kini giat memperkenalkan pelbagai produk dan perkhidmatan berlabel hijau di dalam pasaran sedia ada, selain mempergiat lagi pelaburan ke arah inovasi dan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) teknologi hijau.

Pada hari ini, kita juga cukup berbangga kerana dapat memperkenalkan inisiatif terbaru Kumpulan UMW yang diberi nama "Inisiatif Pucuk Hijau UMW". Melalui program ini, ekosistem paya bakau telah dikenalpasti sebagai 'sekutu' terbaik dan paling ampuh dalam melindungi planet Bumi daripada ancaman perubahan iklim dan pemanasan global, dengan kecekapan penyerapan karbon atmosfera per hektar lebih 5 kali ganda berbanding hutan hujan tropika.

Oleh yang demikian, Kumpulan UMW, atas kesedaran ini dan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar dan masyarakat, telah memutuskan untuk memulihara hutan paya bakau Malaysia melalui program penanamam 300,000 batang pokok bakau menjelang tahun 2023. Adalah diharapkan dengan adanya program pada skala besar ini, sumbangan Kumpulan UMW ini akan memangkin kesedaran terhadap pentingnya kelestarian alam sekitar di kalangan umum.

Perkara ini juga adalah sejajar dengan beberapa lagi inisiatif pada peringkat nasional dan antarabangsa, seperti 'The Toyota Environmental Challenge 2050's' yang berhasrat mencapai pelepasan bersih sifar (atau *net zero emission*) menjelang 2050, Kempen Penanaman 100 Juta Pokok oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan juga 'Sustainable Development Goals' (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## **Perkongsian Strategik sebagai Kaedah Mencipta Nilai Jangka Panjang**

Kumpulan UMW sebagai sebuah kumpulan korporat dengan kewujudan melangkaui 100 tahun, sentiasa mencari pendekatan-pendekatan paling optimum dalam memastikan ia dapat mencipta nilai jangka panjang yang maksimum. Antara pendekatan yang diambil ialah melalui perkongsian strategik (ataupun *strategic partnership*) yang melibatkan para pemegang tara yang dapat menentukan kejayaan sesuatu usaha. Bertitik tolak dari falsafah ini, kita telah melibatkan beberapa pemegang tara yang telah sama-sama sudi untuk memberi sumbangan tenaga, buah fikiran, kewangan dan lain-lain lagi kepada Kumpulan UMW dalam merintis Inisiatif Pucuk Hijau UMW ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para rakan kita iaitu:

Penaja Bersama:

- o UMW Toyota Motor Sdn Bhd
- o Perodua

Rakan Utama:

- o Yayasan Hijau Malaysia (*under the Ministry of Energy & Natural Resources* – KETSA)
- o Malaysian Nature Society (MNS)

Rakan Pendidikan

- o ASTRO

Rakan Kerjasama

- o Yayasan Sukarelawan Siswa (*student volunteers*)
- o Universiti Malaysia Pahang
- o Universiti Kebangsaan Malaysia
- o Universiti Teknologi Malaysia

Kita juga berharap, dengan adanya program ini, semua pihak yang terlibat sama ada pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Jabatan-Jabatan Kerajaan, rakan-rakan korporat dan NGO serta semua pemegang tara akan turut sama berganding bahu menjaga alam sekitar dan tidak menganjak kebelakang melalui sebarang kegiatan yang akan merosakkan alam sekitar.

Sesungguhnya, pada hari ini kita bukanlah sekadar menanam pepohonan semata-mata, namun bolehlah diibaratkan kita ini sedang menanam benih-benih perubahan ke dalam minda semua supaya menggunapakai paradigma baharu dalam pembangunan agar ianya lebih berorientasikan kelestarian, agar masa depan semua akan lebih terpelihara, insya-Allah.

Sekian sahaja dari saya, terima kasih.